

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID  
Tajuk : MAJLIS MALAM KUALITI SIRIM INDUSTRI  
Lokasi : SIRIM, SHAH ALAM  
Tarikh : 14-01-1994

Y.B. Datuk Law Heng Ding, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Datin Ngui Soon Leng.

Ahli-ahli Lembaga SIRIM Distinguished guests from overseas,

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Datuk, tuan-tuan dan puan-puan, Assalamualaikum wrt.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan selamat datang kepada semua yang hadir di Majlis Makan Malam Kualiti SIRIM- Industri, dan mengambil kesempatan ini untuk menyatakan rasa kesyukuran saya di atas limpah kurnia Allah SWT yang membolehkan Majlis ini diadakan.

2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Y.B. Datuk Law Hieng Ding dan Datin kerana sudi bersama-sama kita pada malam ini untuk menyampaikan Anugerah-anugerah Kualiti kepada syarikat-syarikat yang berjaya memasuki skim-skim kualiti SIRIM pada tahun 1993.

3. Saya mengalu-alukan kehadiran tetamu-tetamu jemputan serta tuan-tuan dan puan-puan dari pihak industri ke Majlis kita pada malam ini. Sesungguhnya kehadiran tuan-tuan dan puan-puan yang begitu ramai pada malam ini membuktikan bahawa kerjasama yang rapat dan kukuh telah wujud di antara SIRIM dengan pihak industri.

4. May I also extend a very special warm welcome to Malaysia and to our function here tonight to our guests from overseas, especially to the heads of standards bodies from Brunei Darussalam, Singapore, Indonesia, Philippines, (Thailand) and Tunisia who have come all the way to be with us here tonight. Your presence here tonight is symbolic of the chosen theme of tonight's function: "Competitiveness Through Global Networking".

Para hadirin sekalian,

5. Majlis malam ini bertujuan untuk meraikan syarikat-syarikat yang berjaya memasuki skim-skim kualiti yang dikendalikan oleh SIRIM pada tahun 1993. Saya ucapkan tahniah kepada semua syarikat-syarikat yang telah berjaya.

6. Di samping itu juga, sempena Majlis ini, kita juga memberi pengiktirafan kepada individu-individu tertentu atas sumbangan mereka selama ini dalam pembangunan Standard Malaysia. Pada saya ini adalah satu sumbangan murni kepada negara. Sebenarnya sumbangan mereka ini besar maknanya bukan sahaja kepada usaha pembangunan perindustrian negara, tetapi juga kepada kepentingan perlindungan pengguna.

Sempena Majlis kita pada malam ini, saya ucapkan terima kasih dan syabas kepada para penerima pada tahun ini.

Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin sekalian,

7. Sebenarnya jarang-jarang sekali kita menghadiri Majlis Makan Malam di mana acara makan dan hiburan menjadi acara sampingan. But as usual SIRIM is unique. Pada malam ini, jelas dapat kita lihat bahawa program majlis ini adalah amat padat dengan pemberian sijil. Tetapi, saya percaya inilah tujuan utama tuan-tuan dan puan-puan hadir pada malam ini, samada untuk menerima ataupun menyaksi serta meraikan para penerima.

8. Dengan itu, saya akhiri ucapan saya ini dengan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua yang telah memberi kerjasama, bantuan dan lebih-lebih lagi langganan kepada SIRIM sepanjang

tahun lalu sehingga membawa SIRIM ke mercu kejayaan yang boleh kita sama-sama banggakan.